

Masa depan orang Melayu bergantung perubahan sikap - Dr. M

1973 14 DEC 1973
TIMBALAN Perdana Menteri, Dr. Mahathir/berkata masa depan orang Melayu bergantung kepada perubahan sikap yang positif serta penguasaan ilmu pengetahuan atau pelajaran oleh anak-anak mereka.

Katanya, di semua bidang mereka perlu mempunyai sikap yang betul atau positif yang akan memberi dorongan kepada usaha-usaha bagi mencapai matlamat.

Berucap merasmikan seminar kelas bimbingan dan kepimpinan Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semantanjung (GPMS) di sini hari ini yang disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran, Datuk Abdul Kadir Talib. Dr. Mahathir berkata:

"Kita bersyukur pada hari ini sudah ramai anak-anak Melayu telah maju dalam pelajaran dan menjadi

pemimpin masyarakat."

Dr. Mahathir yang juga Menteri Pelajaran menambah, masyarakat moden memerlukan pakar-pakar teknologi, akauntan, jurutera, juru ukur, doktor, peguam, akitek dan pentadbir-pentadbir kerajaan yang cekap, berdedikasi, jujur, berdisiplin berakhlak dan tinggi budi.

Menurut beliau, orang-orang Melayu masih kekurangan tenaga yang berkelayakan di bidang-bidang itu.

SHAH ALAM 13 DIS.

Lemah

Dr. Mahathir berkata ramai murid-murid Melayu yang menghadapi kelemahan dalam pelajaran terutamanya dalam mata pelajaran ilmu hisab, ilmu sains dan Bahasa Inggeris.

Segala usaha hendaklah dijalankan untuk menolong mereka yang lemah supaya nasib mereka itu tidak menjadi begitu terbiar dan buruk.

Katanya, kerajaan memperuntukan \$1,395,791,400 bagi tahun depan untuk belanja mengurus iaitu termasuk pembayaran gaji guru-guru dan kakitangan perkhidmatan pelajaran dan \$374,152,574 untuk belanja pembangunan iaitu untuk mengadakan sekolah-sekolah baru, mengganti sekolah lama atau menambah bilik-

bilik darjah.

Tambah beliau, usaha yang dijalankan oleh GPMS untuk mengadakan kelas-kelas bimbingan mengkaji cara-cara agar kelas-kelas itu dapat berjalan dengan berkesan patut menerima pujian.

"Peranan yang dimainkan oleh GPMS ini merupakan salah satu usaha yang menolong masyarakat Melayu dan kerajaan meninggikan lagi mutu pelajaran dan seterusnya taraf hidup orang-orang Melayu," tambahnya.

Mengenai peranan GPMS, Dr. Mahathir berkata, tokoh-tokoh lamanya yang berjuang dahulu telah mencapai hasil yang besar.

Beliau berharap GPMS pada masa ini juga akan dapat bergiat mengikut aturan peraturan dan perundangan negara yang diterima dan diamalkan oleh masyarakat

negara ini.

Katanya, atas dasar bergiat dan bertindak dengan memahami matlamat, menyedari tentang masalah dan rintangan dan berusaha dan berjuang untuk mengatasi masalah dan mencapai matlamat, GPMS akan mencipta lebih banyak kejayaan yang gemilang pada masa hadapan.